

PENDAHULUAN DAN LATARBELAKANG

A. Pengenalan

Kemiskinan adalah fenomena yang agak universal didunia ini. Menurut laporan-laporan Bangsa Bersatu lebih 2/3 daripada negara-negara di dunia ini adalah di kategorikan sebagai miskin.<sup>1</sup> Daripada jumlah ini hampir 90 peratus negara yang dianggap miskin adalah daripada dunia ke-3 iaitu Asia, Afrika, Amerika, Latin dan Timur Tengah. Secara keseluruhan 50 peratus(%) manusia di dunia ini hidup menderita dan kebuluran.<sup>2</sup>

Di Malaysia, kemiskinan dan ketaksamaan adalah satu masalah yang utama dalam pembangunan dan pertumbuhan negara. Dalam tempoh Rancangan Malaysia kedua (1971-1975) kerajaan telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB bertujuan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat.

Kemiskinan selalu dihubungkan dengan sektor pertanian. Dalam sektor pertanian, jumlah bilangan isirumah yang miskin dan kadar kemiskinan adalah tinggi. Walaupun sektor pertanian telah mengalami perubahan yang besar dari segi teknologi dan jumlah pendapatan, tetapi taraf sosio-ekonomi sebahagian besar petani di negara ini masih rendah secara relatifnya.

Matlamat pembasmian kemiskinan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang ialah 16.7 peratus.<sup>3</sup> Kemiskinan masih wujud dalam sektor pertanian, meskipun matlamat membasmi kemiskinan di Semanjung Malaysia telah tercapai. Rancangan Malaysia Keempat menyatakan bahawa pada tahun 1980, terdapat 443,760 isirumah dari 661,000 isirumah adalah miskin dan 66.6 peratus adalah mereka yang terlibat dalam sektor pertanian.

- 
1. Syed Husin Ali, Kemiskinan Dan Kelaparan Tanah Di Kelantan Petaling Jaya, Selangor, 1978. m.s. 8
  2. Lim Meng Seng, Pembangunan Ekonomi Dalam Pembangunan Dan Masalah Ekonomi. Jilid 2 DBP, Kuala Lumpur, 1979. m.s.2

### 3. Rancangan Malaysia Ketiga.

Jumlah isirumah di sektor pertanian pada tahun 1990 (906,500) adalah dijangka lebih kurang sama dengan jumlah pada tahun 1980 (963,200), maka sebahagian besar program pembasmian kemiskinan terpaksa dituju kepada sektor pertanian.<sup>4</sup>

Sektor pertanian masih menjadi asas ekonomi Malaysia walaupun sektor pembuatan telah mengatasi sektor pertanian, dari segi sumbangannya kepada KDNK, sektor pertanian masih merupakan punca gunatenaga yang utama. Sektor ini menyumbang 30 peratus dari jumlah gunatenaga, 25 peratus dari jumlah pendapatan eksport dan 20 peratus(%) kepada KDNK.<sup>5</sup>

Kerajaan menyedari betapa mustahaknya sektor pertanian dan peranannya dalam membasmi kemiskinan, oleh itu berbagai program dan strategi telah dilancarkan untuk mencapai maltamat. Diantara Program-program ini ialah Pembangunan Tanah dan Wilayah, Pembangunan Tanah Terbiar, Pembangunan Insitu dan sebagainya.

Jadual 1.1 menunjukkan Perbelanjaan Pembangunan Awam untuk program-program pertanian dan pembangunan luar bandar. Jumlah peruntukan perbelanjaan pembangunan sejak RMP (1966-70) hingga RML (1986-90) menunjukkan satu peningkatan iaitu sebanyak 9.34 peratus. Ini jelas menunjukkan kerajaan terus-menerus memberi keutamaan terhadap sektor pertanian walaupun ianya telah sedia dibangunkan.

### B. Objektif Kajian

Latihan ilmiah ini di karang berdasarkan satu kajian di kawasan Projek Barat Laut Selangor dan kajian ini cuma tertumpu keatas kawasan projek iaitu daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Objektif kajian penulis dapat di bahagi kepada dua iaitu:

1. Objektif umum
  2. Objektif Khusus
- 

4. Sukor kasim : Persistence Of Poverty Under The New Economy Policy. Jomo K.S , Khong How Ling dan Shamsul Bahriah Ahmad (Eds). Crisis And Responce In The Malaysia economy. Kuala Lumpur 1987. m.s 204.
5. Loporan Belanjawan Malaysia 1990. m.s 24

TABLE 1.1 Malaysia. Perbelanjaan Pembangunan Awam untuk Program-program Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar 1966-1990\*

Program	RMP (1966-70) (5 juta)	(%)	RMK (1971-75) (5 juta)	(%)	RMT (1976-80) (5 juta)	(%)	RME (1981-85) (5 juta)	(%)	RML (1986-90) (5 juta)	(%)
Pembangunan Tanah dan Wilayah	363.6	32.0	1020.70	57.0	2559.08	55.0	3039.90	40.0	4418.97	37.0
Pembangunan Tanah Baru	248.4	22.0	678.41	38.0	1722.71	37.0	2218.23	29.0	2873.24	24.0
Pembangunan Wilayah	115.2	10.0	342.29	19.0	826.37	18.0	821.67	11.0	1540.73	13.0
Pembangunan in situ	579.9	51.0	470.98	26.0	1063.40	23.0	2301.89	37.0	5094.44	43.0
Projek Pembangunan pertanian bersepadu	-	-	-	-	19.23	-	476.66	6.0	1560.11	13.0
Perit dan Taliair	342.6	30.0	217.31	12.0	554.84	12.0	1424.64	19.0	337.44	3.0
Penanaman semula	206.1	18.0	202.21	11.0	296.53	6.0	396.64	5.0	1909.97	16.0
Pemuliharaan	31.2	3.0	50.96	3.0	192.80	4.0	503.95	7.0	1226.92	11.0
Perhutanan	14.9	1.0	8.85	-	25.61	1.0	20.94	-	264.22	2.0
Perikanan	9.0	1.0	31.78	2.0	105.34	2.0	301.48	4.0	263.35	2.0
Penternakan	18.5	2.0	57.04	3.4	127.22	3.0	135.46	2.0	185.23	2.0
Khidmat Sokongan	61.3	5.0	178.71	10.0	392.61	8.0	1082.18	14.0	1273.35	11.0
Subsidi input padi	-	-	-	-	101.80	2.0	450.16	6.0	505.95	4.0
Kredit, pemrosesan dan pemasaran pertanian	29.6	3.0	139.00	8.0	269.86	6.0	576.85	8.0	743.27	6.0
Pengembangan dan perkhidmatan lain	32.7	3.0	39.71	2.0	20.95	-	75.17	1.0	24.13	-
Program-program lain	65.9	6.0	25.47	1.0	398.65	9.0	239.49	4.0	300.39	3.0
Kementerian Pertanian										
Jumlah	1141.1	100.0	1793.53	100.0	4672.41	100	7671.34**	100.0	11799.95	100.0

\* Malaysia (1971, 1976, 1981, 1986)

• Perbelanjaan pembangunan awam di bawah Rancangan Malaysia Kedua (1971-75) adalah perbelanjaan anggaran.

•• Perbelanjaan ini telah mengambikira program pembangunan luar bandar seperti bekalan air, jalan dan perkhidmatan kesihatan.

Sumber : Zulkifly Hj. Manan, 1989.

## 1. Objektif umum

Kajian ini adalah merupakan satu kajian untuk memperlihatkan kesan Projek Barat Laut Selangor keatas masyarakat tani daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam secara umumnya.

## 2. Objektif Khusus

Objektif khusus penulis pula ialah untuk melihat kesan Projek Barat Laut Selangor keatas masyarakat tani di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam dari segi :

- a. Perubahan pendapatan masyarakat tani sebelum adanya projek dan selepas projek tersebut dilancarkan pada 1978.
- b. Perubahan taraf hidup petani bagi kawasan projek terutamanya dari segi penggunaan, tabungan, pendidikan dan kemudahan-kemudahan awam yang dinikmati oleh petani di daerah tersebut.
- c. Kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Projek Barat Laut Selangor kepada keluarga tani di kawasan kajian.

## C. Batasan Dan Bidang Kajian

PBLS meliputi daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang mempunyai keluasan 100,000 hektar. Tetapi kajian kes ini cuma meliputi kg Kuantan, kg Teluk Piah, Jeram, Tanjung Karang dan Sekinhcan. Semua fakta dan data-data yang dikumpul oleh penulis adalah tertumpu pada kawasan-kawasan diatas sahaja. Pemilihan kawasan-kawasan ini dibuat kerana ia berdekatan dengan ibu pejabat PBLS dan mempunyai kemudahan infrastruktur yang agak baik untuk dihubungi.

Pengkaji telah memilih 50 orang responden sebagai sampel bagi kajian penyelidikan ini. Data-data yang didapati oleh penulis hanyalah mengenai para petani yang terlibat dengan aktiviti PBLS samada sebagai pesawah atau sebagai pekebun kecil tanaman lain.

Walaupun terdapat banyak teknik untuk memilih sampel tetapi pengkaji telah menggunakan teknik persampelan gugusan dimana dalam kaedah ini unit-unit sampel dipilih dari kumpulan unit atau gugusan tertentu dalam populasi. Contohnya kumpulan petani yang terlibat dalam PBLIS sahaja dipilih supaya rangka persembelan yang lengkap dapat diperolehi dan ianya benar-benar mencerminkan petani yang terlibat dalam PBLIS. Penulis telah mengasingkan atau meninggalkan semua penduduk yang bukan petani. Jadi semua fakta-fakta yang terdapat dalam kajian penulis ini tidak dapat digunakan untuk membuat generalisasi terhadap taraf pendapatan dan kehidupan semua penduduk bagi daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Penulis cuma memilih 50 responden kerana kajian ini dibuat dalam jangkamasa yang singkat, dimana survey terpaksa dijalankan dalam keadaan kelam-kabut bagi menyiapkan 50 orang responden. Masalah kewangan turut menjadi penghalang kepada pemilihan sampel yang banyak.

Rajah 1.1 menunjukkan kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Barat Laut Selangor yang terlibat dalam kajian.

#### D. Metodologi Kajian

Pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah untuk mendapatkan maklumat :

1. Terutamanya " PERSONAL COMMUNICATION ". Pengkaji mengadakan perbincangan-perbincangan secara perseorangan dengan :
  - a. Pegawai-pegawai di Ibu Pejabat Projek Barat Laut Selangor. Mengenai objektif dan perlaksanaan program-program.
  - b. Pegawai-pegawai Di Jabatan Parit dan Taliair (JPT). Berhubung dengan pembinaan semua pengairan, saluran dan kerja-kerja binaan serta penyelenggaraan sistem baru.
  - c. Pegawai-pegawai Di Jabatan Pertanian. Mengenai perkhidmatan pertanian moden dan cara meningkatkan hasil pertanian.

- d. Pegawai-pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Mengenai tanggungjawabnya dalam membekalkan input-input, perkhidmatan kejenteraan, gudang dan pemerosesan.
- e. Pegawai-pegawai Bank Pertanian Tanjung Karang dan Malaysia. Mengenai Kemudahan Kredit.
- f. Pegawai-pegawai di Institusi Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Haiwan.

## 2. Melalui Siri Soalan-soalan (QUETIONARIES)

Segala jawapan dan keterangan yang diberi oleh petani adalah dari senari soalan-soalan yang disediakan oleh penulis. Dalam borang kaji selidik ini terdapat 2 bentuk soalan iaitu

- (1) Open ended
- (2) close ended

Kedua-dua soalan ini telah disusun terlebih dahulu (Strukrued). Lazimnya, soalan yang berbentuk Closen ended adalah soalan yang digunakan untuk perolehi maklumat asas seperti umur, pendapatan dan kemudahan asas sebagainya. Manakala soalan berbentuk open ended pula diguna untuk mendapatkan pendapat dan sasaran responden, bagi soalan ini responden diberi kebebasan untuk mengeluarkan pendapat dan pemikiran mereka. Ia dapat memberi pemahaman yang lebih jelas lagi kepada penulis disamping dapat mengumpul data-data tambahan.

## 3. Tinjauan Penulis

Kajian ini banyak bergantung kepada tinjauan penulis melalui temuduga (interview) dan melihat sendiri kehidupan petani. Penulis melalui pengalaman penulis sebagai anak tani telah melakukan pemerhatian, keatas kawasan kajian. selain dari itu penulis telah melawat kawasan projek hampir setiap minggu untuk membuat pemerhatian.

## 4. Dari Bahan Sekunder

Ianya diperolehi daripada perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kementerian Pertanian, Ibu Pejabat PBLs dan dari agensi-agensi lain.

## 5. Isu-Isu Semasa

Hasil rujukan atau bahan-bahan diperolehi dari risalah-  
risalah keluaran PBLIS, surat khabar, rancangan TV dan  
sebagainya.

## 6. Kaedah-Kaedah Statistik

Diantara kaedah statistik yang digunakan untuk  
menganalisa data adalah kaedah SPSS, median, regresif,  
purata dan korelasi.

## E. Organisasi-Organisasi Bab Berikut

Bab pertama digunakan untuk memberi pengenalan umum  
tentang kaedah-kaedah penyelidikan yang telah dijalankan,  
objektif kajian, masalah-masalah yang dihadapi semasa  
penyelidikan dan bagaimana masalah ini dapat diatasi.

Bab kedua diguna untuk meninjau berkaitan dengan isu-  
isu kemiskinan iaitu definisi kemiskinan, konsep dan teori  
kemiskinan serta kemiskinan di Malaysia.

Bab ketiga menyentuh sudut organisasi Projek Barat Laut  
Selangor, komponen-komponen dibawah dan latar belakang PBLIS.

Bab keempat dan lima pula memberi tumpuan terhadap  
kemudahan infrastruktur dibawah PBLIS dan inovasi pertanian  
yang dilaksanakan dibawah projek ini.

Manakala bab keenam pula membuat tinjauan dari segi  
hasil dan pendapatan setiap komoditi pertanian yang  
diusahakan dibawah PBLIS. Satu perbandingan turut dibuat  
sebelum dan selepas projek supaya peningkatan dalam  
pendapatan dan turut hidup petani dapat digambarkan dengan  
lebih mudah.

Bab ketujuh pula mengkaji berkenaan dengan langkah  
pelbagaikan pendapatan dibawah PBLIS, penumpuan utama diberi  
terhadap kegiatan penternakan.

Bab kelapan pula mengenai keadaan sosio ekonomi  
masyarakat petani yang terlibat dalam PBLIS, bidang dikaji  
adalah tarat pelajaran, pemilikan harta, corak perbelanjaan,  
tabungan, kemudahan-kemudahan awam yang dinikmati dan  
sebagainya.

Bab kesembilan menggambarkan profil ekonomi, pembasmian kemiskinan, kelemahan organisasi PBLIS, cadangan untuk mempertingkatkan kecekapan PBLIS dan kesimpulan.

#### F. Masalah-Masalah Semasa Kajian:

Walaupun penulis seorang anak tani dan tinggal di kawasan kajian tetapi penulis turut telah menghadapi beberapa masalah dalam melengkapkan kajian ini. Diantaranya ialah :

1. Masalah mendapatkan maklumat:
  - a. Kebanyakan data analisa adalah terlalu umum dan kajian-kajian perbandingan amat kurang yang pernah dijalankan. Masalah kekurangan data turut wujud akibat dari kebanyakan data bersifat rahsia.
  - b. Maklumat yang diterima antara agensi-agensi mengenai perkara yang sama adalah berbeza-beza. Lebih-lebih lagi maklumat daripada pihak PBLIS dan agensi-agensi yang menjadi komponen agak mengelirukan bila dibuat perbandingan.
2. Masalah mendapatkan bahan rujukan:
  - a. Penulis mendapati masalah ini cukup ketara apabila cuba mendapatkan sumber-sumber sekunder bagi PBLIS, ianya amat terhad, kebanyakan sumber bersifat umum dan berkenaan dengan sektor pertanian di Malaysia.
3. Masalah mendapatkan responden:
  - a. Oleh kerana luas Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam adalah agak tinggi maka pengkaji telah menghadapi masalah sewaktu membuat survey. Tempat kediaman setiap petani terletak diantara jarak satu km setiap satu ini telah menyukarkan penulis.
  - b. Ada ramai petani yang tidak mahu membantu penulis kerana mereka berpendapat ia tidak memberi apa-apa faedah pada diri mereka.



#### 4. Masalah Kewangan:

- a. Penulis menghadapi masalah ini sepanjang kajian. Keseluruhan perbelanjaan awal terpaksa ditanggung oleh penulis walaupun pihak Unit Pengajian Kependudukan, sedia memberikan bantuan kewangan tetapi bantuan hanya disediakan selepas tamatnya kajian. Jarak perjalanan antara tempat kajian dan tempat tinggal penulis agak jauh, penulis terpaksa berulang-alik dengan kos perbelanjaan yang agak tinggi.

#### G. Penggunaan Konsep

1. Luas - Pengertian luas adalah menunjukkan luas tanah yang diusahakan dan bukan luas tanah yang dimiliki.
2. Kos - Konsep kos dalam kajian ini merupakan perbelanjaan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian.

##### (a) Kos Berubah

(i) Input Pertanian - Baja, racun rumput dan racun serangga.

(ii) Tenaga Buruh - Aktiviti pertanian yang dijalankan seperti membaja, meracun, merumput, memetik/menoreh.

##### (b) Kos Tetap

Cukai tanah dan cukai air.

##### (c) Kos Buruh Tidak Dibayar

Biasanya dinilai pada \$9.00 sehari (8 jam) untuk aktiviti yang di kerjakan sendiri seperti membaja, meracun, merumput dan memangkas. Bagi aktiviti memetik/menoreh dinilai mengikut kaedah upah semasa.

3. Hasil - Pengiraan hasil tidak mengambil kira faktor-faktor seperti umur pokok, bilangan pokok, kesuaian tanah dan sistem pengurusan ladang.

4. Pendapatan - Istilah pendapatan adalah hanya pendapatan hasil tanaman utama tersebut sahaja. Pendapatan bersih yang akan dibincangkan dalam kajian ini adalah pendapatan bersih setelah di tolak kos-kos.
5. Petani - Didalam kajian ini petani adalah distilahkan sebagai pengusaha yang menjalankan aktiviti pertanian dan tidak semestinya pemilik tanah pertanian.


Menurut Raymund Firth " Petani didefinasikan sebagai:

"----- a country man-a man engaged in rural pursuit, primary agricultural, with a Comparatively simple technology and a special interest in the land he works -----"6

---

6. R.Firth. The Peasantry Of South East Asia, International affair vol.5 1970. m.s 503

Rajah 1.1 Peta Kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Barat Laut Selangor



## H. Kesimpulan

Pengkaji telah menggunakan kaedah-kaedah yang disebutkan tadi untuk membantu pengkaji menganalisa data-data yang di perolehi dari berbagai sumber.

Walaupun penulis menghadapi beberapa masalah, tetapi penulis telah mencuba mengatasi masalah tersebut supaya dapat satu analisa yang jitu.

